5.1.3 Mengenalpasti skop projek dan menentukan strategi pelaksanaan yang merangkumi:

a) Pembangunan sistem yang lengkap
b) Tempoh pembangunan serta tempoh penyelenggaraan dan sokongan.
c) Perolehan, pemasangan, konfigurasi dan pengujian perkakasan dan perisian

5.2 Bagi tujuan pembangunan projek ini, teknologi yang dicadangkan adalah menggunakan kod sumber terbuka seperti PHP dan lain-lain. Namun begitu pihak syarikat juga boleh mencadangkan alternatif selain daripada aplikasi pemprograman yang dicadangkan. **Sila nyatakan pengalaman Petender dalam pembangunan berasaskan teknologi yang dicadangkan (berdasarkan sebarang *framework* yang berkaitan).**

5.3 Petender perlu mengkaji, mengenalpasti dan mencadangkan keperluan sistem yang sesuai dengan perkara-perkara berikut:

a) Keperluan jabatan-jabatan serta SOP (*standard of procedure)* di MBSJ
b) Keperluan dari segi rangkaian, infrastruktur dan keselamatan.
c) Akta-akta serta Polisi Keselamatan Siber MBSJ dan lain-lain peraturan berkaitan.

5.4 Petender perlu membantu pihak Majlis sehingga berjaya memperolehi Persijilan SAGA daripada pihak Jabatan Akauntan Malaysia.

5.5 Cadangan SISTEM/MODUL merangkumi tetapi **TIDAK TERHAD** kepada:

a) SISTEM PERAKAUNAN DAN KEWANGAN

1. Modul Lejar Subsidiari Akaun Belum Terima (GL Post)
2. Pengurusan Belanjawan/Bajet
3. Perolehan (Pembelian terus, Tender Jabatan, Kerja Undi)
4. Pengurusan Bayaran dan Akaun Belum Bayar
5. Pengurusan Cagaran/Deposit/Bon/Wang Jaminan Pelaksanaan
6. Pengurusan Pinjaman Pendahuluan
7. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah
8. Lejer Aset dan Susutnilai
9. Pengurusan Simpanan Tetap
10. Pengurusan Wang Panjar
11. Lejar Am dan Penutupan Akaun